

UM 24 JAN 2012

## Pairin Kitingan lega dan gembira

KOTA KINABALU 23 Jan. — Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan melahirkan rasa lega dan gembira terhadap keputusan penerimaan semula parti itu ke dalam Barisan Nasional (BN) hari ini.

Katanya, keputusan itu juga membuka lembaran baru kepada PBS untuk mewujudkan hubungan yang lebih rapat dengan parti-parti komponen BN khususnya di Sabah ke arah perpaduan dan menjana pembangunan negeri.

Menurut beliau, sudah tiba masanya

untuk PBS berganding bahu memacu kemajuan dan sama-sama berjuang dengan memberi tumpuan bukan sahaja kepada soal kemudahan infrastruktur tetapi juga menangani isu kemiskinan serta ketidakseimbangan agihan kekayaan.

“Saya dan rakan-rakan di dalam PBS akan cuba sebaik mungkin untuk membuktikan komitmen kami sebagai rakyat Malaysia dan juga pemimpin bagi sebuah parti di dalam BN ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

“Saya mengucapkan terima kasih kepa-

da Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semua parti komponen BN dan rakan-rakan yang bekerja di sebalik tabir sehingga membawa kepada kemasukan semula PBS ke dalam BN,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di kediamannya di Luyang, dekat sini malam ini sebagai mengulas pengumuman oleh Pengerusi BN, Dr. Mahathir mengenai penerimaan kemasukan semula PBS ke dalam BN itu.